

20/01/1997

Umno Kelantan serah laporan

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Ahad - Umno Kelantan akan mengemukakan kertas kerja kepada Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung bentuk latihan dan gerak kerja intensif sebagai panduan jentera parti di negeri ini.

Kertas kerja yang mengandungi pelbagai perancangan dan latihan itu turut menitikberatkan usaha memperkemas sistem bekerja dalam satu pasukan berasaskan disiplin dan komitmen seluruh ahli.

Timbalan Pengerusi badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata ia juga sebagai persiapan bagi Barisan Nasional (BN) negeri menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Jadi untuk pilihan raya umum akan datang, penekanan Umno lebih kepada mempertingkatkan kecekapan, komitmen dan disiplin jentera parti.

"Kertas kerja yang sedang disiapkan itu menekankan latihan dan gerak kerja intensif dengan menumpukan soal memupuk komitmen dan memperkemas sistem kerja dalam parti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis berbuka puasa di Masjid Kampung Hutan Pasir, Ketereh, petang semalam. Sebelum itu, beliau menyampaikan bantuan zakat kepada 117 anak yatim dan peruntukan membiayai program Ramadan kepada 45 madrasah bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketereh.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata kertas kerja itu adalah hasil pandangan beliau sendiri bagi memperkemas jentera dan struktur parti bekerja sebagai satu pasukan.

"Saya cuma ingin memberi pandangan dan jika Perdana Menteri berpendapat ia perlu bincang dalam Badan Perhubungan, kita akan ikut kerana ini hanya kertas cadangan.

"Apa yang penting saya minta satu perkara saja, iaitu ahli Umno perlu berdisiplin jika berhasrat untuk merampas Kelantan," katanya.

Annuar berkata, Umno dan BN yakin untuk menawan semula Kelantan dalam pilihan raya umum akan datang kerana sudah mengenal pasti lebih separuh daripada 43 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan berpeluang untuk dimenangi.

Menurutnya, persiapan disiplin dan komitmen jentera parti yang cekap adalah penting untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

(END)